
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HKN 308 - KESUSASTERAAN NUSANTARA II: ASPEK
PENSEJARAHAN**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan. SATU soalan daripada Bahagian A dan TIGA soalan daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

Bahagian A

1. Penulisan sejarah sastera yang lengkap akan membantu pemahaman masyarakat terhadap asas tradisi dan perkembangan kesusasteraan sesuatu masyarakat. Bincangkan pernyataan ini dengan memberikan juga halangan-halangan dalam proses penulisan sejarah sastera yang lengkap itu.
2. Penulisan sejarah sastera hikayat adalah jauh lebih rumit berbanding dengan penulisan sejarah novel Melayu. Bincangkan pernyataan ini dengan memberi tumpuan kepada persoalan sumber dan genre.

Bahagian B

3. Braginsky telah memperkatakan tentang kelemahan-kelemahan karya Winstedt yang bertajuk *A History of Classical Malay Literature*. Bincangkan isi dasar kritiknya dan kemudian berikan penilaian anda tentang usaha yang telah dilakukan oleh Braginsky bagi mengengahkan satu pensejarahan sastera Melayu tradisional yang lebih memuaskan.
4. Baca petikan berikut:

Buku ini tidak berjudul sejarah kerana tidak bertitik tolak dari *sejarah*. Hal ini dilakukan atas kesedaran bahawa perkembangan sastera tradisional tidak menekankan urutan sejarah, baik dari segi pengaliran karya mahupun daripada kehadiran tokoh-tokoh pengarangnya.

(Harun Mat Piah, 2000, *Kesusasteraan Melayu Tradisional*, hlm. XIV)

Bincangkan petikan di atas dalam konteks kepentingan aspek *sejarah* dan *sastera* dalam penulisan sejarah sastera Melayu tradisional.

5. Kemunculan Abdullah Munshi sekitar awal abad ke-19 telah membawa beberapa pemikiran baru dalam dunia penulisan Melayu. Bincangkan konsep "baru" yang dibawa oleh Abdullah Munshi dan reaksi sarjana terhadapnya sehingga kini.

6. Bincangkan beberapa ciri asas modeniti kesusasteraan Melayu. Sandarkan perbincangan anda kepada sejarah perkembangan Pulau Pinang sebagai pusat kesusasteraan Melayu sebelum perang.
7. Bincangkan fenomena kemunculan teori sastera dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden dan sejauhmanakah fenomena tersebut menyumbang kepada perkembangan kesusasteraan pada masa hadapan?